

Najib rasmi PKP Kuin

ALOR SETAR - Kolej Universiti Insaniah (Kuin) menerajui kajian dan penyelidikan institusi pondok di Nusantara apabila menubuhkan Pusat Kajian Pondok (PKP), yang mula beroperasi 1 Mac lalu.

Rektornya, Prof Datuk Mohd Yusof Kasim berkata, PKP diwujudkan untuk menjalankan kajian lebih meluas terhadap institusi pondok dan sistem pengajiannya di Malaysia dan luar negara bagi menambah khazanah ilmu dan pengetahuan.

Mohd Yusof berkata demikian ketika majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) antara Kuin dengan Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia (YPPM), disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, semalam.

Najib, yang juga penaung YPPM turut merasmikan pusat kajian itu secara simbolik dengan menandatangani sebuah plak.

Pada majlis itu, Kuin diwakili Mohd Yusof manakala YPPM diwakili Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Dr Mashitah Ibrahim yang diantik sebagai Pengarah PKP yang pertama.

Berdasarkan MoU itu, Kuin akan menyediakan kepakaran dan kakitangan yang diperlukan untuk program yang dijalankan, termasuk kemudahan penyelidikan dan bantuan berbentuk fizikal seperti perpustakaan, dewan serta sokongan logistik.

Manakala YPPM akan menyediakan kepakaran dan bantuan berbentuk fizikal termasuk logistik dan jaringan.

Mohd Yusof berkata, menyedari peranan dan sumbangan pondok kepada pendidikan dan pembangunan negara, Kuin merasakan perlu ditubuhkan sebuah pusat khusus untuk melakukan penyelidikan terperinci, ter-

masuk kajian berkaitan tokoh dan ulama pondok yang banyak berjasa.

“Walaupun tumpuan diberi kepada pondok dan tokoh tempatan, namun skop PKP turut meliputi sistem pengajian sama di negara-negara Asia, Timur Tengah, Afrika dan Eropah. Tidak dinafikan banyak hasil kajian dibuat termasuk disertasi dan kajian ilmiah, namun masih banyak aspek perlu dibuat untuk hasilkan penyelidikan berkualiti,” katanya.

Menurutnya, PKP berharap dapat menjalin kerjasama dengan universiti lain bagi melengkapkan pengetahuan dan kajian yang dilakukan.



Najib menandatangani plak sebagai simbolik perasmian Pusat Kajian Pondok Kuin.